



24 Disember 2013
24 December 2013
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2013

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (GENERAL)(AMENDMENT) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 105 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja, 1971 [*P.U. (A) 99/1971*] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” di mana-mana jua terdapat kecuali perenggan 2(1)(d), peraturan 4, 10, 11, 44D, 45, 46, 48, 48A, 56B, 56D, 66, 73, 74, 75, 76, 88, 90, 98, 106C dan 119 dengan perkataan “Pertubuhan”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perenggan (1)(d).

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “pejabat Pertubuhan”.

Pindaan peraturan 10

5. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”;

- (b) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Majikan bagi tiap-tiap perusahaan hendaklah memberi kepada Pertubuhan tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh Akta terpakai bagi perusahaan itu, Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja yang diisi dengan sepenuhnya berkenaan dengan perusahaan itu dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pertubuhan.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Majikan boleh membenarkan secara bertulis mana-mana orang untuk mengisi dan memberikan Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja bagi pihaknya.

(3B) Jika Pertubuhan berpuas hati bahawa majikan tidak dapat mengisi dan memberikan Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja atas apa-apa sebab, Pertubuhan boleh mengisi borang itu bagi pihak majikan.

(3C) Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja yang diisi oleh Pertubuhan menurut subperaturan (3B) hendaklah disifatkan telah diisi dan diberikan dengan sempurna oleh majikan.”.

Pindaan peraturan 11

6. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”;
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Jika majikan telah dikeluarkan terhadapnya suatu kompaun menurut Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2006 [P.U. (A) 59/2006], Pertubuhan bolehlah menguntukkan Kod Nombor Majikan kepada perusahaan berkenaan dengan majikan itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh tamat pembayaran kompaun itu.

(1B) Jika Borang Pendaftaran Majikan tidak diisi dengan sempurnanya dan diberikan oleh majikan kepada Pertubuhan, Pertubuhan masih boleh menguntukkan Kod Nombor Majikan kepada perusahaan.

(1C) Penguntukan Kod Nombor Majikan di bawah subperaturan (1A) dan (1B) oleh Pertubuhan tidaklah mengecualikan majikan daripada mengisi dan memberikan Borang Pendaftaran Majikan dan Borang Pendaftaran Pekerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah peraturan 10.”; dan

- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pejabat yang berkenaan” dengan perkataan “Pertubuhan”.

Penggantian peraturan 12

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 12 dengan peraturan yang berikut:

“Menghantar Borang 12. Tiap-tiap majikan hendaklah mengisi Borang **Pendaftaran Pekerja** Pendaftaran Pekerja yang mengandungi suatu senarai pekerja

Tambahan baru dan hendaklah mengemukakan borang itu kepada Pertubuhan dalam tempoh satu bulan dari bulan pengambilan kerja pekerja itu.”.

Pindaan peraturan 41

8. Peraturan 41 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a)* dengan menomborkan semula perenggan sedia ada sebagai subperaturan (1);
- (b)* dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Jika” dengan perkataan “Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), jika”; dan
- (c)* dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Pertubuhan hendaklah membayar balik caruman yang silap dibayar di bawah subperaturan (1), jika bayaran balik itu dituntut dalam tempoh tujuh tahun dari tarikh caruman itu silap dibayar.

(3) Jika seseorang pekerja diambil kerja oleh lebih daripada seorang majikan dan jumlah caruman daripada majikan bagi pekerja itu telah melebihi gaji bulanan anggapan maksimum pekerja itu bagi mana-mana bulan tertentu, lebihan caruman itu hendaklah dibayar balik masing-masing kepada majikan dan pekerja secara pro-rata berdasarkan tiap-tiap bahagian caruman majikan dan pekerja itu.”.

Pindaan peraturan 44D

9. Peraturan 44D Peraturan-Peraturan ibu dipinda—